



MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

**KEPUTUSAN PEPERIKSAAN
SIJIL TINGGI PERSEKOLAHAN MALAYSIA TAHUN 2020**

Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM), memaklumkan bahawa keputusan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) tahun 2020 akan diumumkan pada **1 Julai 2021 (Khamis)** mulai jam **12:00 tengah hari**.

Calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu boleh mendapatkan keputusan masing-masing melalui kaedah yang berikut:

- (a) semakan keputusan penuh (slip keputusan) secara dalam talian melalui pautan **<http://stpm.mpm.edu.my/stpmK>** pada **1 Julai 2021 (Khamis)** mulai jam **12:00 tengah hari**;
- (b) perkhidmatan SMS ringkasan keputusan dengan menaip **STPM<jarak>No. K/P<jarak>Angka Giliran** dan hantar ke **68886** pada **1 Julai 2021** mulai jam **11:00 pagi** sehingga **9 Julai 2021 (Jumaat)** jam **12:00 tengah hari**;

- (c) **keputusan** calon akan dihantar oleh MPM **terus ke alamat e-mel** calon pada **1 Julai 2021** mulai jam **11:00 pagi** (bagi calon yang membekalkan alamat e-mel ke MPM); dan
- (d) bagi calon Sekolah Kerajaan/Bantuan Kerajaan/swasta/persendirian individu yang tidak mempunyai capaian internet, pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN)/Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)/sekolah akan mengenalpasti calon tersebut dan akan memaklumkan kaedah yang sesuai untuk calon mendapatkan keputusan peperiksaan.

MPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.

-TAMAT-

MAJLIS PEPERIKSAAN MALAYSIA
26 JUN 2021